

PANDUAN PENDAFTARAN PERNIAGAAN BARU

Syarat-syarat mendaftarkan perniagaan baru

1. Dibawah peruntukan seksyen 5, Akta Pendaftaran Perniagaan (APP 1956) sesuatu perniagaan hendaklah didaftarkan tidak lewat dari 30 hari dari tarikh permulaan perniagaan tersebut perlu mengemukakan kepada Pendaftar/SSM pendaftaran perniagaan.
2. Perniagaan yang didaftarkan mestilah memenuhi seksyen 2 (Taksiran perniagaan) APP 1956 dan tidak meliputi aktiviti berbentuk amal/kebijakan serta apa-apa kerja yang dinyatakan dalam JADUAL (seksyen 2).
3. Pemilik / rakan kongsi perniagaan merupakan warganegara atau penduduk tetap dan mestilah berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas.
4. Perniagaan atau tempat utama perniagaan yang dijalankan mestilah beroperasi di semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Prosedur Pendaftaran Perniagaan Baru

5. Pemohon boleh mengemukakan permohonan secara atas talian di ezbiz.ssm.com.my. Pemohon perlu berdaftar sebagai pengguna Ezbiz Online terlebih dahulu. Sila rujuk [Tatacara Mendaftar Akaun Pengguna Ezbiz](#) dan [Tatacara Pengguna Ezbiz Pendaftaran Perniagaan Baru](#).
6. Sila lampirkan / "upload" dalam sistem ezbiz dokumen (berkaitan sahaja) seperti berikut:
 - 6.1 Salinan perjanjian perkongsian (jika ada)
 - 6.2 Surat kebenaran/pengesahan agensi (jika ada), jika jenis/aktiviti perniagaan yang didaftarkan perlu kelulusan agensi berkenaan.
7. Perniagaan boleh didaftarkan dengan menggunakan nama perniagaan seperti berikut:
 - 7.1 Nama Tred - Nama perniagaan yang dicipta/direka bagi tujuan komersial (contoh Indah Maju Construction, Restoran Seri Nelayan, Nirmala Trading & Services)

7.2 Nama Sendiri – Nama perniagaan yang menggunakan nama seperti di kad pengenalan (Contoh Ali Bin Ahmad)

8. Jenis/aktiviti perniagaan yang didaftarkan mestilah bersesuaian dengan nama perniagaan, tidak menyalahi undang-undang, tidak bersesuaian dengan keselamatan persekutuan, ketenteraman awam atau prinsip moral.

9. Cawangan yang didaftarkan (jika ada) mestilah tidak sama dengan alamat utama perniagaan dan cawangan lain.

10. Pemilikan perniagaan, terdapat beberapa senario proses perlu dipatuhi:

10.1 Perniagaan berdaftar sebagai "Tred Name" boleh mendaftar sebagai milikan Tunggal atau Perkongsian tidak melebihi dua puluh (20) orang.

10.2 Perniagaan menggunakan nama sendiri seperti di kad pengenalan (MyKad atau MyPR) tidak boleh mendaftar rakan kongsi.

11. **Perniagaan perkongsian**, semua rakan kongsi akan menerima notis pemakluman berkaitan pendaftaran perniagaan baru yang dilakukan. Rakan kongsi perlu buat mengesahan di portal Ezbiz Online. Selepas pengesahan dibuat oleh rakankongsi, baru pembayaran boleh dibuat dan dihantar untuk di proses.

12. Merujuk kepada perkara 11, dimana jika ada rakan kongsi yang hendak didaftar menjadi rakan kongsi, tapi belum aktif sebagai pengguna ID Ezbiz Online (sila rujuk perkara 5), Pendaftaran perniagaan baru yang hendak didaftarkan tidak boleh dilakukan.

Fi Pendaftaran

13. Berikut adalah Fi Pendaftaran perniagaan baru seperti berikut:

13.1 RM 60 setahun - Perniagaan tunggal atau perniagaan perkongsian menggunakan Nama Tred

13.2 RM 30 setahun - Perniagaan tunggal menggunakan nama sendiri seperti di kad pengenalan

13.3 RM 5 - Setiap Cawangan (jika ada)

13.4 RM 10 - Maklumat Perniagaan

Nota: Pendaftaran boleh dibuat dalam tempoh satu (1) tahun dan hingga tidak melebihi Lima (5) tahun

Panduan AM

14. Seseorang yang menjalankan perniagaan tanpa mendaftarkan perniagaan adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (APP1956) dan jika disabitkan kesalahan dikenakan denda tidak melebihi RM 50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu(2) tahun atau kedua-duanya.

15. Pemilik perniagaan bertanggungjawab untuk mendapatkan lesen perniagaan/permis, permit atau surat kebenaran daripada pihak berkuasa tempatan atau agensi berkaitan yang berkaitan jenis/aktiviti perniagaan yang dijalankan walaupun telah didaftarkan di SSM.

16. Sebarang pertanyaan lanjut boleh hubungi pusat panggilan SSM di talian 03-77214000 atau emel ke enquiry@ssm.com.my.